

BAB 6

CADANGAN-CADANGAN DAN MASA DEPAN KAUM INDIA

6.0. Pengenalan

Di dalam bab ini satu kesimpulan akan dibuat dengan melihat beberapa penemuan penting yang diperolehi daripada kajian ini. Beberapa cadangan-cadangan akan diberikan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia. Kaum India sebagai kumpulan etnik ketiga terbesar selepas kaum Melayu dan Cina harus memperbaiki kedudukan mereka. Ini adalah kerana jika ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara kaum akan memberikan satu gambaran yang tidak baik di kaca mata dunia. Selain daripada itu perpaduan antara kaum yang menjadi hasrat kerajaan mungkin tidak akan tercapai. Cadangan-cadangan yang akan diberikan ini terutamanya untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka agar setaraf dengan kaum Bumiputera dan Cina.

Melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2), 1991-2000 yang mengandungi Dasar Pembangunan Negara (DPN) menandakan bermulanya satu era baru di dalam usaha untuk memperbaiki kedudukan masyarakat India. Perdana Menteri, Dr Mahathir melalui kenyataan beliau dalam Wawasan 2020 ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju daripada semua segi menjelang tahun 2020 dan matlamat DPN adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi dan mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatupadu dan adil. Oleh sebab itu untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatupadu dan adil, kerajaan harus menimbangi kedudukan sosio-ekonomi antara kaum di negara ini.

Kerajaan melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah memberikan beberapa sekatan terhadap kaum bukan bumiputera dalam beberapa bidang dengan menetapkan kuota-kuota tertentu. Di antaranya adalah seperti pemberian lesen-lesen, kontrak-kontrak atau tender-tender kerajaan, pendidikan dan lain-lain. Masyarakat India mendapati sukar untuk mereka bersaing dengan kaum Cina yang telah lama maju dari segi ekonomi. DEB telah berjaya meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi kaum Melayu dan kini kedudukan mereka jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kaum India. Ini telah menyebabkan mereka tidak berjaya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

6.1.Pendidikan

Untuk mempertingkatkan sosio-ekonomi generasi akan datang, pendidikan merupakan salah satu ajen yang sangat penting bagi membolehkan sesuatu keluarga itu dapat keluar daripada 'lingkaran ganas kemiskinan'. Melalui pendidikan sahaja generasi akan datang dapat mencapai kemajuan dan seterusnya menyambut usaha kerajaan mewujudkan Malaysia sebagai negara perindustrian pada tahun 2020. Pekerja-pekerja estet menghadapi banyak halangan dan rintangan untuk mencapai kemajuan termasuklah buta huruf dan peluang-peluang yang terbatas untuk pelajaran anak-anak mereka.

Adalah didapati bahawa kadar keciciran di kalangan pelajar-pelajar India adalah tinggi. Ini ditambah pula dengan pencapaian akademik mereka yang rendah. Bagi kanak-kanak yang ingin melanjutkan pelajaran, keluarga mereka yang berada dalam paras pendapatan rendah tidak mampu menghantar untuk melanjutkan pelajaran. Ini dibuktikan melalui kenyataan kerajaan bahawa satu Tabung Khas yang

perlu diwujudkan oleh kerajaan bagi kaum India dengan maksud menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk melanjutkan pendidikan mereka.¹

Sekolah-sekolah Tamil di estet mempunyai kadar keciciran yang tinggi dan prestasi yang rendah jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan. Estet-estet di luar bandar tidak mempunyai kemudahan pendidikan yang sempurna terutama sekolah-sekolah Tamil. Guru-guru yang berkualiti tinggi adalah sangat diperlukan di estet-estet. Pihak-pihak tertentu harus mengambil initiatif untuk melatih guru-guru ini secara lebih profesional supaya pelajar-pelajar tertarik dengan cara pengajaran mereka. Sekolah-sekolah yang lengkap dengan kemudahan awam yang sempurna harus dibina bagi menggantikan bangunan sekolah-sekolah Tamil yang sudah usang. Selain daripada itu sekolah-sekolah juga harus mengadakan kelas-kelas tambahan terutamanya semasa peperiksaan. Ini adalah perlu supaya pelajar-pelajar lebih bersedia menghadapi peperiksaan. Dengan cara ini adalah diharapkan dapat menarik pelajar-pelajar estet supaya berminat untuk belajar dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran di kalangan kaum India.

Kerajaan harus mengambil alih perjalanan sekolah-sekolah Tamil kerana sekolah-sekolah tersebut kekurangan wang untuk memperbaiki keadaan sekolah. Adalah diharapkan dengan bantuan kerajaan ini dapat meningkatkan kemudahan atas sekolah dan kualiti pengajaran oleh guru-guru.

Selain daripada itu kerajaan harus meningkatkan kuota kemasukan kaum India di institusi pengajian tinggi tempatan. Ini adalah kerana mereka ini adalah pelajar-pelajar terbaik yang datangnya dari latarbelakang sosio-ekonomi yang rendah. Peningkatan kuota ini akan mewujudkan lebih ramai kaum India terpelajar dan membolehkan mereka memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi.

¹ Malaysia, *Laporan Majlis Perunding Ekonomi Negara*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, ms 259.

6.2. Pekerjaan

Pekerja-pekerja ladang adalah tinggi di kalangan kaum India jika dibandingkan dengan lain-lain kaum. Pekerja-pekerja estet atau ladang yang bekerja di ladang-ladang tidak mendapat kemudahan asas yang lengkap dan sempurna dan ini menyebabkan mutu hidup masyarakat India di sana adalah jauh lebih rendah. Majikan-majikan yang hanya mementingkan keuntungan tidak memberikan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik, telefon dan jalan yang sempurna kepada para pekerja mereka.

Walaupun adanya kemasukan buruh-buruh asing yang diambil bekerja di ladang-ladang tetapi penglibatan kaum India dalam pekerjaan tersebut masih lagi tinggi. Golongan termiskin di kalangan kaum India tidak hanya terdiri dari pekerja-pekerja estet yang berpendapatan RM10 hingga RM12 sehari tetapi sebahagian besar kaum India yang tinggal di kawasan-kawasan bandar juga mempunyai pendapatan rendah.

Pekerja-pekerja kilang yang berjumlah lebih ramai dari pekerja-pekerja di estet ialah golongan yang paling ramai sekali antara orang-orang India yang miskin di bandar-bandar. Bagaimanapun kebanyakan mereka mempunyai pekerjaan yang terjamin dan pendapatan mereka adalah lebih dari kebanyakan pekerja di bidang perkhidmatan seperti tukang-tukang kebun dan pencuci kain.

Kalau dahulu masyarakat India terkenal dengan pekerjaan profesional mereka seperti doktor, jurutera dan peguam tetapi kini adalah didapati bahawa peratusan mereka semakin menurun.

Adalah didapati bahawa kadar pengangguran adalah tinggi di kalangan kaum India. Ini mungkin kerana pendidikan yang rendah dan kuota yang ditetapkan oleh kerajaan. Syarikat-syarikat swasta kebanyakannya memenuhi kuota yang ditetapkan dengan mengambil pekerja-pekerja Cina. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja kaum India adalah pekerja bawahan atau am. Dalam kategori bukan pekerja kasar jumlah pekerja-pekerja keturunan India sebenarnya telah bertambah tetapi jumlah itu merosot dibandingkan dengan jumlah nasional. Terkecuali ialah kategori pentadbiran dan pengurusan-pengurusan di mana pekerja-pekerja keturunan India telah meningkat sedikit dari segi jumlah dan peratusan.

Adalah dicadangkan kepada golongan India yang tinggal di luar bandar dan bekerja di ladang-ladang bahawa golongan ini harus diberikan upah yang sewajarnya. Kerajaan harus campurtangan untuk mewujudkan upah minimum supaya semua pekerja tidak kira kaum yang tinggal dan bekerja di estet tidak ditindas oleh majikan mereka. Ini ditambah pula dengan kadar inflasi yang tinggi, upah yang diterima oleh mereka tidak memadai. Ini ditambah pula kemasukan buruh-buruh asing yang menawarkan upah yang rendah. Perkara ini menyebabkan permintaan untuk kenaikan upah tidak begitu berjaya.

Kesatuan sekerja seperti NUPW harus berusaha untuk mendapatkan upah yang baik bagi pekerja-pekerja ladang dengan mengambil kira harga semasa pasaran. Tindakan kesatuan ini harus disokong oleh kerajaan. Ini adalah kerana pada masa yang lepas kesatuan tersebut cuba mendapatkan upah minimum tetapi tidak berjaya.

Oleh kerana kebanyakan daripada kaum India yang tinggal di estet-estet tidak dapat mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi mereka menyebabkan campurtangan kerajaan dalam perkara ini sangat diperlukan. Kerajaan harus mewajibkan majikan menyediakan kemudahan awam atau infrastruktur yang sempurna kepada kepada golongan ini. Ini termasuk kemudahan kesihatan, elektrik dan air. Kemudahan seperti

ini adalah perlu supaya mereka meningkatkan taraf kesihatan dan menikmati pembangunan ekonomi negara.

Mobiliti buruh daripada sektor perladangan ke sektor pembuatan harus wujud dengan lebih pesat. Kenyataan dasar Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke 2 berhubung dengan pembasmian kemiskinan telah menyatakan bahawa pertumbuhan gunatenaga yang pesat dalam sektor bukan pertanian dan kurangnya penggantungan tenaga buruh luar bandar kepada sumber-sumber pendapatan tradisional akan menyumbangkan kepada kemajuan pembasmian kemiskinan.² Ini bermakna masyarakat India Malaysia tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan ladang sahaja. Mereka harus cuba mendapatkan pekerjaan lain di sektor-sektor pembuatan yang kini menjadi penyumbang utama ekonomi. Di antara tindakan kerajaan untuk mencapai objektif ini adalah dengan mengadakan kemudahan pendidikan, latihan serta infrastruktur bagi memudahkan mobiliti pekerja.

Penyertaan kaum India dalam bidang-bidang seperti pertanian, industri petroleum, perkhidmatan kerajaan dan agensi-agensi awam tidak menunjukkan peratusan jumlah yang sebenarnya daripada jumlah penduduk kaum India di Malaysia.

6.3. Pembahagian Kumpulan Etnik

Di dalam kebanyakan laporan kerajaan dan dasar kerajaan, mereka membahagikan kaum India dalam kumpulan bukan bumiputera di mana termasuk Cina dan lain-lain. Jika dilihat lain-lain kaum telah maju dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan kaum India. Sekiranya kemajuan dicapai oleh bukan Bumiputera ini tidak bermakna kaum India juga mencapai kemajuan tersebut kerana

² Malaysia, *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*, Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991, ms. 17.

kedudukan dalam kumpulan yang sama. Sebenarnya kaum India tidak mencapai apa-apa kemajuan walaupun terdapat data-data menunjukkan peningkatan kaum bukan bumiputera. Sebagai contoh peningkatan hak milik ekuiti bukan Bumiputera sebanyak 46.2 peratus bukan merupakan kejayaan untuk kaum India.

Pembahagian ini telah menyebabkan kaum India yang miskin tidak dapat merebut peluang-peluang yang telah disediakan oleh kerajaan di mana kebanyakan daripada dasar-dasar dan program-program kerajaan adalah untuk membantu kaum Bumiputera. Kaum India sama seperti bumiputera ketinggalan dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan kaum Cina yang sudah maju sejak dari zaman penjajahan British.

6.4. Masalah Sosial

Kebanyakan daripada masyarakat India mempunyai keluarga yang besar. Ini adalah salah satu ciri yang menyebabkan kemiskinan. Mereka terpaksa menanggung anak-anak yang ramai dengan pendapatan yang rendah. Ini seterusnya menyebabkan mereka tidak dapat membuat simpanan ataupun untuk berjimat. Sikap masyarakat India yang mudah merasa puas hati dengan rezeki yang diterima oleh mereka telah menyebabkan mereka terus hidup dalam kemiskinan. Oleh kerana asal usul mereka adalah miskin dan daif, mereka tidak tahu melakukan sesuatu pekerjaan lain.

Mutu kehidupan di estet adalah dalam serba kekurangan dari segi kemudahan asas. Kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik, kesihatan, sekolah dan perumahan adalah tidak begitu memuaskan. Keadaan kehidupan mereka di estet adalah sesak dan tidak selesa. Ini menyebabkan wujudnya pelbagai penyakit dan banyak kanak-kanak meninggal dunia. Selain daripada kurang kemudahan kesihatan, pemakanan yang tiada berzat dan khasiat telah menyebabkan taraf kesihatan yang rendah. Adalah didapati bahawa kebanyakan orang-orang India yang miskin

menpunyai ramai bilangan anak-anak. Kerajaan harus memperkenalkan satu program perancang keluarga yang berkesan terhadap orang-orang India terutamanya di estet-estet.

Adalah juga didapati kerana masalah-masalah sosial dan saikologi masyarakat India, maka kadar bunuh diri di kalangan masyarakat India adalah tinggi jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Ini adalah satu perkembangan yang perlu diberi perhatian.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat India terkenal dengan ketagih arak. Perkara ini telah bermula sejak kedatangan mereka ke Tanah Melayu di zaman penjajah British. Banyak kedai-kedai todi telah dibuka untuk para pekerja-pekerja estet pada ketika itu. Walau bagaimanapun, kini tidak ada lagi kedai-kedai todi tersebut tetapi ketagih arak ini tidak dapat dieleksan di kalangan masyarakat India. Banyak wang digunakan untuk membeli arak tanpa mengambil kira keperluan harian lain seperti makanan dan untuk pendidikan anak-anak mereka.

6.5. Penglibatan Dalam Perniagaan

Kaum India harus melibatkan diri dalam perniagaan supaya dapat meningkatkan hak milik modal mereka. Kerajaan harus memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kaum India di dalam mendapatkan tender-tender kerajaan. Pada masa ini kerajaan hanya menumpukan perhatian memberikan tender-tender baru kepada penguasa Bumiputera. Adalah diharapkan kerajaan melonggarkan pemberian tender supaya memasukkan kaum India agar mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka.

Keadaan yang sama adalah perlu bagi mendapatkan permit-permit pengangkutan awam seperti teksi dan bas. Adalah sukar bagi kaum India untuk

mendapatkan permit tersebut kerana dasar kerajaan yang mementingkan bumiputera sahaja.

Kerajaan harus menggalakkan bank-bank memberikan pinjaman kepada usahawan-usahawan yang berpotensi untuk maju supaya mereka dapat mempertingkatkan perniagaan yang sedia ada. Melalui peningkatan perniagaan ini akan mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan kosong yang boleh diisi dengan lebih ramai pekerja-pekerja India daripada peringkat atasan ke bawahan. Pada masa ini, bank-bank perdagangan begitu keberatan memberikan pinjaman mungkin kerana prestasi syarikat yang tidak memuaskan atau kertas kerja yang diberikan tidak memuaskan hati mereka.

Kerajaan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 ingin mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera Masyarakat Industri (MPPB) (Bumiputera Commercial and Industrial Community) kerana kebanyakan sektor perniagaan dan perdagangan, penyertaan bumiputera adalah masih jauh lebih rendah daripada bukan Bumiputera. Bukan bumiputera disini bermakna kaum Cina dan bukannya kaum India kerana kaum India tidak mencapai apa-apa kemajuan. Oleh sebab itu program seperti MPPB perlu diubahsuai untuk memasukkan kaum India supaya tidak lagi ketinggalan dalam tempoh RRJP2 melalui pemberian lesen dan kontrak kepada kaum India Malaysia.

Latihan dan bantuan khidmat nasihat adalah penting bagi golongan usahawan baru yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan dan mereka yang ingin memajukan perdagangan mereka. Di sini dicadangkan supaya diadakan seminar-seminar dan bengkel-bengkel perdagangan dan perindustrian oleh organisasi tertentu terutamanya daripada usahawan berjaya kaum India supaya mereka dapat memberi tunjuk ajar kepada golongan lain yang ingin mendapatkan pengalaman dalam perniagaan. Mereka tidak harus mementingkan diri sendiri dalam perkara ini. Bermula daripada

usahawan yang kecil, mereka inilah yang akan muncul sebagai usahawan besar dalam sektor korperat di masa depan.

Isu pemberian saham-saham kepada parti-parti politik terutamanya kepada parti-parti komponen Barisan Nasional dalam kuasa tawar menawar politik (political bargaining power) menunjukkan peranan kerajaan dalam membantu masyarakat. Satu contoh yang jelas adalah isu saham Telekom kepada Maika Holdings (syarikat pelaburan MIC) secara langsung menunjukkan amalan kerajaan menawarkan saham syarikat-syarikat awam yang didaftarkan di BSKL kepada parti-parti politik tertentu bagi maksud kepentingan masyarakat yang diwakili oleh parti-parti politik berkenaan.

Walaupun ia adalah bertujuan untuk membantu memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India tetapi masalah berterusan dalam Maika Holdings itu sendiri menyebabkan ia tidak mencapai keuntungan yang menggalakkan.

Bagi meningkatkan pemilikan modal saham kaum India, skim seperti Amanah Saham Nasional dan Permodalan Nasional Berhad harus ditubuhkan bagi kaum India dengan kerajaan memberikan saham-saham ekuiti baru dan penglibatan sepenuhnya kaum India dalam program penswastaan kerajaan. Program penswastaan kerajaan tidak memberikan banyak peluang kepada kaum India untuk terlibat bersama. Melalui cara ini adalah diharapkan pemilikan hak milik dapat ditingkatkan. Sebelum ini tanpa campurtangan kerajaan didapati kegagalan Maika Holdings di dalam meningkatkan bahagian hak milik kaum India.

Melalui campurtangan kerajaan, adalah diharapkan pemilikan ekuiti kaum India dapat ditingkatkan daripada 1 peratus dalam tempoh perlaksanaan RRJP2 setelah gagal dalam perlaksanaan RRJP1. MIC telah mencuba melalui pelbagai cara tetapi tidak berjaya. Oleh sebab itu keprihatinan kerajaan diperlukan dalam

membenarkan perlaksanaan program-program keusahawanaan ke atas Bumiputera dapat juga dilakukan kepada kaum India.

6.7. Kesimpulan

Pada kesimpulannya, jelas menunjukkan bagaimana bermula daripada sejarah kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu semasa penjajahan British, diikuti dengan zaman pemerintahan Jepun dan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru membawa kepada keadaan sosio-ekonomi masyarakat India yang tidak banyak berubah. Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan sejak dari tahun 1970 hingga tamat pada tahun 1990 menunjukkan masyarakat India masih lagi ketinggalan dari segi sosio-ekonomi jika dibandingkan dengan lain-lain kaum. Perkara ini menyebabkan timbulnya masalah-masalah sosial, ekonomi dan politik di kalangan masyarakat India selepas perlaksanaan DEB dan pemilikan ekuiti mereka kekal pada paras satu peratus.¹ Hipotesis-hipotesis yang diuji menunjukkan kebenarannya melalui data-data yang diperolehi daripada kajian ini.

Pelbagai cadangan-cadangan telah dikemukakan pihak-pihak kerajaan, pemimpin MIC, individu-individu terkenal dan sebagainya bagi mengatasi masalah kaum India. Tetapi tanpa adanya perlaksanaan program-program untuk mengatasi masalah ini maka cadangan-cadangan yang dikemukakan maka ia tidak berguna. Walaupun para pemimpin mengetahui sebab-sebab kemiskinan kaum India, tidak ada langkah-langkah konkret yang diambil oleh mereka untuk mengatasi masalah masyarakat India terutama dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Maka timbul persoalan di sini sama ada kerajaan atau kemimpinan MIC gagal membawa pembaharuan kepada kaum India. Satu lagi persoalan yang wujud di sini adakah kerana kaum India dengan sikap negatif atau 'tidak apa' mereka telah menyebabkan mereka tidak merebut peluang-peluang yang telah disediakan oleh kerajaan

memyebabkan mereka ketinggalan. Kedua-dua persoalan ini harus dilihat di masa depan untuk mengatasi masalah kemiskinan kaum India.

Kaum Bumiputera yang ketinggalan sebelum perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah bangun daripada keadaan sosio-ekonomi yang rendah kepada ke tahap sekarang hasil daripada campurtangan kerajaan. Kerajaan melalui dasar-dasarnya telah memberikan keutamaan kepada kaum Melayu. Manakala kaum Cina pula telah kukuh dari segi sosio-ekonomi mereka sebelum perlaksanaan DEB dan mengekalkan keadaan tersebut sehingga kini. Walaupun mereka tidak mendapat bantuan kerajaan mereka dapat mengekalkan keadaan sosio-ekonomi mereka. Manakala kaum India yang hidup melarat sebelum DEB terus kekal hingga kini kerana DEB lebih mengutamakan kaum Melayu dan Bumiputra lain. Oleh sebab itu kerajaan harus campurtangan dalam mengatasi masalah ini. Ini adalah kerana adalah sangat tidak adil dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan kaum India kaum ketiga terbesar di Malaysia ketinggalan dari segi sosio-ekonomi mereka. Kaum Cina juga harus sedar dan memahami jika kerajaan ingin campurtangan untuk mengatasi masalah kaum India. Masalah akar-umbi kaum India adalah kerana 60-70 peratus daripada mereka tinggal dan bekerja di estet dengan upah yang rendah. Sekiranya kerajaan dapat mengatasi masalah di estet-estet maka masalah-masalah lain akan diatasi secara tidak langsung. Harus diingat bahawa kaum India telah menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan bermula dari industri getah hingga ke industri pembuatan walaupun kebanyakan daripada mereka ini adalah terdiri dari pekerja-pekerja bawahan.

Kita harus belajar dari pengalaman dalam dekad-dekad yang lampau untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum India. Masa depan kaum India adalah bergantung kepada kerajaan dan para pemimpin politik negara terutamanya MIC yang telah menyokong mereka harus memainkan peranan penting dengan kuasa tawar menawar mereka dalam memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kaum India.